

PENILAIAN FORMATIF

UNIT 10 : KEJUJURAN

Nama :

Kelas :

Adakah kamu mengamalkan sikap jujur dalam masyarakat setempat? Tulis "Ya" atau "Tidak" berdasarkan situasi dan tindakan berikut.

Bil.	Situasi	Tindakan	Jawapan (ya atau Tidak)
1.	Kamu berjanji untuk bertemu dengan beberapa orang pemuda kampung bagi membincangkan pertandingan bola baling.	Saya datang tepat pada waktunya.	
2.	Kamu ternampak sepupu kamu dan kawan-kawannya merempit di jalan raya.	Saya memaklumkan kepada ahli jawatankuasa penduduk.	
3.	Kamu terjumpa pemacu pena semasa ingin menggunakan komputer di Pusat Internet Desa.	Saya akan menyerahkannya kepada Penyelia Pusat Internet Desa.	
4.	Kamu diminta mengagihkan minuman percuma kepada kanak-kanak di tadika.	Saya memulangkan lebih minuman percuma itu.	
5.	Kamu diberikan hadiah saguhati kerana memulangkan tas tangan isteri wakil rakyat.	Saya menolaknya kerana saya melakukannya dengan ikhlas.	
6.	Kamu mengutip wang derma untuk projek bacathon anjuran pihak rukun tetangga.	Saya menyerahkan semua wang hasil kutipan derma.	
7.	Kamu terlupa menutup suis pendingin hawa bilik komputer di balai raya.	Saya mengakui kecuaiannya.	
8.	Kamu hendak membeli barang di kedai koperasi kampung kamu. Kamu mendapat banyak barangan yang sudah tamat tarikh luputnya dijual dengan harga yang murah.	Saya melaporkannya kepada ketua kampung.	

Panduan Skor

8-10	Tahniah Kamu mengamalkan sikap jujur dalam masyarakat. Tingkatkan amalan kamu.
4-6	Tingkatkan sikap jujur kamu terhadap masyarakat setempat.
0-2	Kamu kurang mengamalkan sikap jujur dalam masyarakat setempat. Kamu perlu mengubah sikap kamu.